



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

LAPORAN PROGRAM

***PROFICIENCY CERTIFICATE for
ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS 2.0
[ProCEEEd 2.0]***



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

LAPORAN PROGRAM
***PROFICIENCY CERTIFICATE for ENTREPRENEURSHIP
EDUCATORS 2.0***
[ProCEEd 2.0]

DISEDIAKAN OLEH:
AKADEMI PEMBANGUNAN PKS DAN KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
2023

Cetakan Pertama 2023

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) UiTM Shah Alam.

Emel: masmed@uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PROGRAM

PROFICIENCY CERTIFICATE FOR ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS 2.0 [ProCEEEd 2.0]

Penulis Utama: Ts. Dr Rohana Zur, Zusuff Kan Zainal Kan, Intan Syazlina Mohd Ali

Penulis bersama: Profesor Ts. Dr. Salmiah Kasolang, Ts. Dr. Maslina Abdul Aziz, Farhanah Abu Sujak

ISBN 978-629-982-081-9

Diterbitkan oleh:

Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED)

Universiti Teknologi MARA,

40450 Shah Alam

MALAYSIA



Hakcipta Terpelihara © 2023 AKADEMI PEMBANGUNAN PKS DAN KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED).
Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS dan
Keusahawanan Malaysia
(MASMED)



PROFICIENCY CERTIFICATE FOR ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS 2.0 (ProCEED 2.0)

1-5 March 2023

Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM

PENGENALAN



Sekapur Sirih

Alhamdulillah, segala puji dan syukur yang setulusnya dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T dengan rahmat dan keredhaan-Nya, program **PROFICIENCY CERTIFICATE for EDUCATORS 2022 (ProCEED 2.0)** telah dianjurkan dengan jayanya.

Setinggi – tinggi tahniah diucapkan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) khususnya kepada jawatankuasa penganjur program yang diketuai oleh Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM dalam usaha keras untuk memastikan program ini dapat dijalankan dengan berkesan dan memberi impak kepada semua pendidik keusahawanan.

Penganjuran ProCEED 2.0 ini dilihat sebagai satu inisiatif terbilang dalam mencapai objektif Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosio ekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan. Objektif penganjuran ProCEED 2.0 ini juga bertepatan dengan strategi - strategi Teras 1 Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT) 2021 – 2025 dalam meningkatkan bilangan pendidik dengan kepakaran keusahawanan serta memperkasa sistem sokongan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan keusahawanan.

Penganjuran ProCEED 2.0 yang melibatkan kerjasama bersepadu antara empat elemen *quadruple helix* dalam ekosistem keusahawanan (IPT terlibat, kerajaan, industri dan masyarakat) ini juga merupakan satu kolaborasi berimpak tinggi dalam menambah baik kualiti pendidikan keusahawanan di samping membekalkan pendidik keusahawanan dengan proses serta minda yang kreatif dan inovatif. Pendidik keusahawanan berkualiti yang terhasil daripada penganjuran ProCEED 2.0 juga dilihat berkemampuan untuk menghasilkan pelajar yang berambisi kepada keusahawanan berasaskan peluang untuk memacu ekonomi negara ke arah berpendapatan tinggi dan mampu bersaing di peringkat global.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi – tinggi tahniah kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Teknologi MARA di atas penganjuran program berimpak tinggi ini serta para pendidik keusahawanan yang terlibat dalam ProCEED 2.0 dalam mencapai objektif Malaysia MADANI untuk melahirkan dan memampakan nilai individu masyarakat Malaysia bagi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran.

YBHG. DATO' SERI ABDUL RAZAK JAAFAR
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia



Seulas Pinang

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, ***PROFICIENCY CERTIFICATE for ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS 2022 (ProCEED 2.0)*** telah berjaya dilaksanakan pada tahun ini. Ia merupakan satu usaha murni dalam menyalurkan informasi dan maklumat berkaitan latihan yang telah dilaksana dan dianjurkan oleh MASMED UiTM kepada pendidik keusahawanan.

Saya ingin memulakan seulas pinang ini dengan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kerana memberi kepercayaan kepada UiTM melalui Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) sebagai penganjur program latihan keusahawanan ***PROFICIENCY CERTIFICATE for ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS 2022 (ProCEED 2.0)***.

Komitmen dan dedikasi warga kerja MASMED UiTM dalam menjayakan program ini amat penting bagi memastikan Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi berjaya dicapai sehingga ke tahap ini.

Ucapan tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada para peserta yang telah berjaya menghadiri diri dan menamatkan kursus anjuran Program ProCEED 2.0 ini dengan jayanya.

Tahniah semua.

PROFESOR DATUK DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA



Inspirasi Keusahawanan

“Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA telah berjaya mencapai hasrat dan objektif Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang bukan sahaja untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, tetapi juga menyokong agenda pembangunan ekonomi yang seimbang dan mapan”



YBHG Datuk Dr. Megat Sanny Megat Ahmad Supian
(Timbalan Ketua Setiausaha Dasar, Kementerian Pendidikan Tinggi)

“Pihak Universiti sentiasa menyokong usaha Kementerian Pendidikan Tinggi dalam meningkatkan bilangan pendidik dengan kepakaran keusahawanan yang secara tidak langsung akan menghasilkan pelajar dan graduan yang menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan”



Prof. Ts. Dr Salmiah Kasolang
(Penolong Naib Canselor Keusahawanan)

“Pendidik keusahawanan yang berkualiti sepastinya akan memberikan impak yang besar dalam mencapai objektif Malaysia MADANI itu sendiri untuk melahir dan memampkan nilai individu masyarakat dalam memacu Malaysia ke arahnegara berpendapatan tinggi dan mampu bersaing di peringkat global”



Ts. Dr. Rohana Zur
(Pengarah Keusahawanan MASMED)



**” SEMUA MANUSIA DILAHIRKAN
SEBAGAI SEORANG
ENTREPRENEUR “**

**- MUHAMMAD YUNUS
PENERIMA HADIAH NOBEL
PENGASAS GRAMEEN AMERICA**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Proficiency Certificate for Entrepreneurship Educators 2.0 atau singkatannya ***ProCEED 2.0*** merupakan inisiatif berimpak tinggi di bawah KPT untuk meningkatkan kecekapan, kepakaran dan bilangan pendidik mahir dalam bidang keusahawanan.

ProCEED 2.0 mengambil kira maklumbalas positif *ProCEED* tahun sebelumnya dan ditambahbaik sebahagian konten supaya para peserta dapat pendedahan keusahawanan yang lebih baik daripada pemain industri (usahawan). Kolaborasi pintar ini membolehkan *ProCEED 2.0* dijayakan dengan penyertaan 47 peserta dari 26 IPTA berbeza.

Kali ini program dapat dijalankan secara bersemuka dan peserta dapat merasai pendekatan unik seperti '*learning by doing*' serta pendekatan '*gamification*' dalam pembelajaran.

Skor purata kepuasan yang diberi kesemua peserta adalah 4.70/5.00 atau 94.0%.

Dokumen ini memperinci perjalanan program yang ditempuhi peserta dengan menggabungkan elemen data dan penceritaan keusahawanan.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PELAN TINDAKAN KEUSAHAWANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI PTK-IPT 2021-2025

**Memartabatkan Keusahawanan
Dalam Memperkasakan Negara**

ISI KANDUNGAN

01

**Peta Perjalanan
Peserta**

02

**Statistik
Umum**

03

**Pasukan
Pelaksana**

04

**Aturcara
Program &
Skor**

05

**Tugas
Peserta**

06

**Rumusan &
Rekomendasi**

07

Penutup

08

Foto Pilihan



PETA PERJALANAN PESERTA

PETA PERJALANAN PESERTA

Majlis Perasmian dan Taklimat

Sesi dijalankan secara bersemuka di ILD UiTM, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Dihadiri 47 warga pendidik dan pentadbir universiti awam.

Perasmian oleh Ybhg. Profesor Ts. Dr. Salmiah Kasolang, Timbalan Naib Canselor (Keusahawanan), MASMED UiTM. Turut bersama wakil-wakil dari Kementerian Pendidikan Tinggi.



Majlis Perasmian dan Taklimat

Taklimat ProCEED 2.0 dibentangkan oleh
Ts. Dr Rohana Zur, Pengarah Pusat
Pembangunan keusahawanan MASMED,
merangkap pengurus Program UiTM..



ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION

PENGENALAN

Entrepreneurship Mindset

Peserta didedahkan dengan cara fikir yang diamalkan usahawan pakar. Berdasarkan kajian Professor Saras D. Sarasvathy dari University of Virginia, usahawan pakar mempunyai cara fikir dan tindakan yang berbeza dengan usahawan novis.

SKOR MODUL :
4.72/5.00

MODUL 1

Sepintas Lalu Keusahawanan

Peserta mendapat gambaran umum perjalanan & cabaran yang biasanya dilalui oleh mana-mana usahawan dari fasa **Sebelum Mula, Startup, Sebelum Berkembang, Berkembang, Matang** dan **Transisi**. Paling utama, peserta pulang dengan ilmu bagaimana cabaran setiap fasa dapat diatasi.

SKOR MODUL :
4.66/5.00

MODUL 2

Persediaan Diri Sebagai Usahawan

Beza antara usahawan dan peniaga, apakah *mindset* dan nilai yang perlu disemai supaya bakal graduan berminda usahawan dengan membandingkan acuan barat dan timur.

SKOR MODUL :
4.72/5.00

MODUL 3

10 Jenis Inovasi dalam Pendidikan Keusahawanan

Belajar daripada kajian kes tempatan dan luar negara bagaimana pendidikan keusahawanan dapat dilakukan supaya program di universiti akan bertambah menarik dan memberi impak yang lebih tinggi.

SKOR MODUL :
4.66/5.00

ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION

MODUL 4

Mazhab-Mazhab Utama dalam Pendidikan Keusahawanan

Terdapat banyak pendekatan berbeza yang diguna pakai dalam pendidikan keusahawanan. Sesi ini berkongsi mazhab-mazhab utama, kelebihan, kekuatan yang boleh dipelajari serta diadaptasi pada pendidikan keusahawanan sedia ada.

SKOR MODUL :
4.57/5.00

MODUL 5

Alat/Kanvas Utama yang Penting untuk Pendidik Keusahawanan

Penggunaan kanvas satu muka surat dalam pendidikan inovasi dan keusahawanan merupakan elemen penting masa kini. Peserta didedahkan kepada kanvas-kanvas penting seperti *Business Model Canvas*, *Value Proposition Canvas*, *Customer Journey Map* dan *Lean Canvas*.

SKOR MODUL :
4.77/5.00

MODUL 6

GrowthWheel: 20 Fokus Bisnes

GrowthWheel merupakan proses dan alat yang digunakan penasihat bisnes di lebih 73 buah negara. Sesi ini mendedahkan peserta mengapa kaedah '*coaching*' penting dan boleh dimanfaatkan warga pendidik supaya bakal usahawan dapat diperkasakan untuk membuat keputusan dan tindakan bisnes yang lebih bersistematik.

SKOR MODUL :
4.74/5.00

EDUCATION HACKATHON

MODUL 7

Pengenalan *Design Thinking* untuk Pendidik Keusahawanan

Peserta mempelajari bagaimana kaedah inovasi manusiawi dapat diaplikasi untuk menjadikan pendidikan keusahawanan lebih menarik, menyeronokkan dan lebih berimpak tinggi. Pelbagai kajian kes komersial, sosial, produk dan servis dikongsikan supaya idea-idea baru dapat dicambah.

SKOR MODUL :
4.68/5.00

MODUL 8

Persediaan Diri, Pasukan & Persekitaran

Inovasi yang berjaya bermula dengan persediaan yang menyeluruh. Sesi ini, peserta belajar tiga persediaan utama iaitu persediaan diri, pasukan dan persekitaran supaya apa jua inisiatif inovasi yang bakal dijalankan dapat memperoleh kejayaan yang tinggi.

SKOR MODUL :
4.64/5.00

MODUL 9

Sudut Pandang: Mencipta Fiksi Sosial untuk Masa Hadapan Pendidikan Keusahawanan

Setiap projek inovasi bermula dengan sudut pandang. Pada sesi ini, peserta didedahkan bagaimana mahu berimajinasi dengan sistematik menggunakan alat inovasi terpilih. Peserta perlu membayangkan bagaimana dunia akan menjadi lebih baik dengan elemen-elemen inovasi yang mereka mahu tonjolkan.

SKOR MODUL :
4.64/5.00

MODUL 10

Faham

Merekabentuk solusi memerlukan kefahaman bukan sahaja pada isu tetapi konteks dan nilai yang mahu diperolehi pengguna, pelanggan dan pemegang taruh. Sesi ini fokus pada teknik-teknik untuk memahami isu sebenar supaya pembinaan idea adalah bersandarkan kepada pemahaman isu sebenar. Peserta perlu turun ke lapangan [*Get out of the building*] untuk mendapatkan fakta.

SKOR MODUL :
4.70/5.00

MODUL 11

Idea dan Prototaip

Peserta didedahkan dengan kaedah penjanaan idea, pengembangan idea serta pemilihan idea secara berkumpulan yang efektif baik secara dalam talian mahupun secara fizikal. Ia disusuli dengan kaedah menterjemahkan idea ke dalam bentuk visual atau prototaip. Terdapat lima kategori prototaip yang peserta boleh lakukan walaupun bukan berlatarbelakang reka bentuk grafik mahupun pengaturcaraan.

SKOR MODUL :
4.74/5.00

MODUL 12

Validasi dan Tambah Baik

Impak hanya wujud apabila sesuatu idea/solusi diuji berkali-kali di lapangan, ditambahbaik dan berjaya menyelesaikan masalah. Sesi ini menekankan kepentingan menguji hipotesis peserta dengan pelanggan atau pengguna sebenar melalui kaedah eksperimen yang bersesuaian.

SKOR MODUL :
4.68/5.00

DEMO DAY & PENILAIAN



MODUL 13

Pembentangan

Peserta berpeluang untuk menggunakan ilmu yang dipelajari yang akhirnya diterjemah dalam bentuk idea atau prototaip yang visual. Peserta dapat belajar dari satu sama lain. Sesi ini juga kemuncak kepada program ProCEED 2.0 dimana ujian penilaian merangkumi kesemua modul yang dilalui. Ujian penilaian ini mewakili 25% dari keseluruhan pemarkahan.

SKOR MODUL :
4.49/5.00

PENDEKATAN ProCEEEd 2.0

Harvard Business Review

STRATEGY

Games Can Make You a Better Strategist

by Martin Reeves and Georg Wittenburg
SEPTEMBER 07, 2015



Play has long infused the language of business: we talk of players, moves, end games, play books and so on. And now we hear often about the “gamification” of work—using elements of

Berbeza dengan ProCEEEd 2.0 sebelum ini yang berlangsung secara dalam talian memandangkan negara dilanda pandemik, ProCEEEd 2.0 dapat dilaksanakan secara bersemuka. Ini membolehkan pihak pelaksana menggunakan pendekatan baharu iaitu belajar melalui bermain.

Terdapat beberapa artikel yang diterbitkan Harvard Business Review yang menerangkan manfaat-manfaat permainan menjadikan seseorang ‘strategis’ yang lebih cekap. Antara manfaat lain adalah:

- ‘Games’ membolehkan maklumbalas yang berkos rendah dan maklumbalas diperolehi pada kadar serta merta.
- ‘Games’ membolehkan peserta melibatkan diri dengan sesuatu idea melalui aktiviti permainan.
- ‘Games’ juga membolehkan tingkahlaku dianalisa secara berstruktur.
- ‘Games’ juga membolehkan pelbagai scenario dapat diuji.
- ‘Games’ juga dapat dilaksana kepada kumpulan peserta yang ramai.

Pendekatan ‘games’ dan ‘learning by doing’ ini diaplikasi sepanjang program supaya peserta dapat belajar dalam suasana yang seronok serta memberi impak. Pengalaman ini diharap dapat mencetus idea-idea baru supaya pendidikan keusahawanan menjadi lebih kreatif dan inovatif.

Wajah keterujaan **Dr. Mohd Amin Bin Mohamad**,
Timbalan Dekan
(Akademik) Fakulti
Pengurusan Teknologi dan
Teknousahawan,
Universiti Teknikal
Malaysia Melaka (UTeM)
ketika sesi pembelajaran
menggunakan kad
permainan *Piou Piou*.

Suasana hari pertama
menjadi lebih ceria dan erat
kesan daripada permainan
yang mencerikan serta
mempunyai nilai
pembelajaran seperti
kemahiran berfikir secara
strategik, kemahiran
mengambil risiko dan
kemahiran berfikir secara
kreatif.



CONTOH-CONTOH PERMAINAN PILIHAN



Nama permainan: *Piou Piou*

Deskripsi ringkas permainan:

Pemain perlu menyusun strategi untuk menjadi pemain pertama yang menetasakan 3 biji telur ayam. Namun awas, terdapat pemain lain yang akan mencuri telur ayam menggunakan kad musang.

Tema pembelajaran berkaitan:

Pemikiran strategik, Kemahiran mengambil risiko, Negosiasi, Kreativiti dan Kolaborasi.

Skor purata permainan: **4.74/5.00**

Komen peserta:

“Piou Piou agak mudah dimainkan dan sesuai untuk sesi 'ice breaking' dengan ahli pasukan baru. – Dr. Arbaiah Binti Abdul Razak, Penolong Profesor, Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).



Nama permainan: **Settler of Catan**

Deskripsi ringkas permainan:

Catan merupakan permainan strategi yang melibatkan pembinaan penempatan, jual-beli dan negosiasi sumber untuk mengembangkan penempatan di Pulau Catan.

Tema pembelajaran berkaitan:

Pengurusan sumber, Pengurusan risiko, Negosiasi, Kreativiti dan Kolaborasi.

Skor purata permainan: **4.77/5.00**

Komen peserta:

“Boardgame The Settler of Catan ialah game yang sangat sesuai untuk kita membayangkan senario sebenar yang berlaku dalam dunia usahawan. Ilmu keusahawanan yang boleh kita kaitkan seperti sumber terhad, membuat jaringan kepintaran, membuat pilihan, menilai kos lepas dan lain-lain. – YM Tengku Farah Maimunah Binti T. Mohd Yusof, Pensyarah, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



Nama permainan: ***The Resistance***

Deskripsi ringkas permainan:

The Resistance merupakan permainan deduksi sosial yang melibatkan identiti rahsia, tipu daya dan kepercayaan. Peserta akan diberi peranan: ada yang akan menjayakan dan ada yang akan melakukan sabotaj. Misi perlu dijayakan namun peserta tidak tahu siapa musuh dalam selimut.

Tema pembelajaran berkaitan:

Kerjasama dan kolaborasi, Kemahiran komunikasi, Menilai risiko, Kemahiran membuat keputusan, Etika dan Kepercayaan.

Skor purata permainan: **4.64/5.00**

Komen peserta:

“Learn to survive within complex competition” – **Dr. Norun Najjah Binti Ahmat**, Pensyarah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).



Nama permainan: ***Dixit***

Deskripsi ringkas permainan:

Dixit merupakan permainan yang meraikan kreativiti dan daya imaginasi. Permainan ini menguji kemahiran penceritaan dan komunikasi. Permainan ini memerlukan peserta berfikir secara kritikal dan menganalisa clue yang diberi sambil membuat keputusan, suatu skil yang kritikal dalam keusahawanan.

Tema pembelajaran berkaitan:

Kreativiti dan inovasi, Kemahiran bercerita dan komunikasi, Berfikir secara kritikal dan penyelesaian masalah, Kolaborasi dan kerjasama, Kepintaran emosi dan empati.

Skor purata permainan: **4.83/5.00**

Komen peserta:

“It truly makes me think and come up with something new”– ***Yugeshineey A/P Subba Rao***, Pensyarah, Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Gopeng.






2

STATISTIK UMUM

STATISTIK UMUM

26

Jumlah IPTA berbeza yang mengikuti program *ProCEED 2.0*



Jumlah peserta 47 orang.
Lelaki 22 orang.
Perempuan 25 orang.

4.70

4.70/5.00 merupakan skor kepuasan keseluruhan terhadap program *ProCEED 2.0* yang diberikan peserta.

4

Kolej Komuniti

4 peserta dari 4 Kolej
Komuniti mengikuti
ProCEED 2.0

2

Politeknik


2 peserta dari 2 Politeknik
mengikuti *ProCEED 2.0*.

20


Universiti

41 peserta dari 20 Universiti
Awam mengikuti
ProCEED 2.0.


Jumlah Peserta Mengikut Julat Umur




Tahap Pengajian Tertinggi Peserta



Jumlah Peserta Yang Aktif Mengajar Subjek Keusahawanan



Tempoh Masa Penglibatan Peserta dalam Bidang Pendidikan Keusahawanan



SENARAI IPTA MENGIKUT JUMLAH PESERTA YANG MENGIKUTI *ProCEED 2.0*

No.	IPTA	Jumlah Peserta
1	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)	2
2	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)	2
3	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)	2
4	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)	2
5	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)	2
6	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)	2
7	UNIVERSITI MALAYA (UM)	3
8	UNIVERSITI ISLAM ANTABANGSA MALAYSIA (UIAM)	2
9	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)	1
10	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)	2
11	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)	2
12	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)	1
13	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)	2

No.	IPTA	Jumlah Peserta
14	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)	4
15	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)	2
16	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniZA)	2
17	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)	2
18	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)	2
19	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)	2
20	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)	2
21	KOLEJ KOMUNITI GOPENG	1
22	KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS	1
23	KOLEJ KOMUNITI SELAYANG	1
24	KOLEJ KOMUNITI TANJUNG PIAI	1
25	POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN	1
26	POLITEKNIK KOTA KINABALU	1
	JUMLAH KESELURUHAN	47

**PASUKAN
PELAKSANA**



JAWATANKUASA INDUK

PENAUNG

YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Naib Canselor

PENASIHAT

Prof. Ts. Dr Salmiah Kasolang
Penolong Naib Canselor (Keusahawanan)

PENGERUSI

Ts. Dr. Rohana Zur
Pengarah Pembangunan Keusahawanan (MASMED)

KETUA SETIAUSAHA

Pn. Intan Syazlina Mohd Ali
Penolong Pendaftar Kanan (MASMED)

BENDAHARI

Pn. Siti Hajar Aswati
Penolong Bendahari Kanan (Zon 12)

JAWATANKUASA PENGURUSAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (BAHAGIAN DASAR)

Pn. Fazidah Binti Mustafa
Setiausaha Bahagian (BPS)

Pn. Nooraidah binti Abdullah
Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar)

Pn. Hazlin binti Selamat
En. Muhammad Dehya bin Zainal Azlan.

AHLI JAWATANKUASA

Ts. Dr. Nik Roselina Nik Roseley
Ts. Dr. Nik Raikhan Nik Him
Ts. Dr. Maslina Abdul Aziz
Dr. Nurzaki Ikhsan
En. Mohd Azuan Mohd Alias
Pn. Zakiyah Hasan
Pn. Farhanah Abu Sujak
En. Mohd Nur Najmi Nuji
Pn. Fatrisha Mohamed Yussof

URUS SETIA PELAKSANA PROGRAM

Ts. Dr. Rohana Zur
Ketua Projek

Ts. Dr. Maslina Abdul Aziz
Timbalan Ketua Projek

Farhanah Abu Sujak
Timbalan Ketua Projek II

Intan Syazlina Mohd Ali
Setiausaha

Ts. Dr. Nik Raikhan Nik Him
Mohd Nur Najmi Nuji
Mohamed Naquiuddin Mahmood
Nor Aishah Mat Som
Norsapinah Abdul Hamid
Tc. Ahmad Suzairi Ahmad Sukri
Hamisah Suliman
Nurul Ain Kassim
Muhammad Ariff Rosslie

Md Fazli Ismail
Maizatul Nadia Zaini
Ahmad Faizal Abdullah
Nurul Syazwanie Mohamat Sharif
Nur Aliah Amiruddin
Hasnita Mohammed
Nurul Batrisyia Mohd Mansor
Farah Noor Azureen Nor Ehsan

FASILITATOR



**ZUSUFF KAN
BIN ZAINAL KAN**



**MOHD YUSRY
BIN MOHAMAD YUSOPP**



**NORAMINAH
BINTI OMAR**



**SITI MARYAM
BINTI ABDUL HAMID**



**ADZZAHANI FILZAH
BINTI ADZMAN**



**TUAN NURUL INANY
BINTI TUAN MUSTAFFA**



**NOR NAJWA ASHIKIN
BINTI MOHD FAUZI**



**HAZAZI ARIFFIN
BIN ZAINAL ARIFFIN**



**NADIAH
BINTI MD. YUSOFF**



**NOR AZAM
BIN YAACOB**



**MOHD YAHYA FADZLI
BIN JUSOH**





ATURCARA PROGRAM & SKOR

ATURCARA ProCEED 2.0

Tema	Entrepreneurship Mindset & Startup Equation		Education Hackathon		Demo Day
Masa/Hari	Pertama	Kedua	Ketiga	Keempat	Kelima
8.30 am -10.30 am		Modul 3 10 Kajian Kes Inovasi dalam Pendidikan Keusahawanan	Modul 7 Pengenalan Design Thinking untuk Pendidik Keusahawanan	Modul 10 – Bhg. 2 Faham	Ujian Penilaian & Peserta Menghantar Tugas
10.30 am – 11.00 am		Minum Pagi	Minum Pagi	Minum Pagi	Minum Pagi
11.00 am – 1.00 pm	Pendaftaran Peserta	Modul 4 Mazhab-Mazhab Utama Pendidikan Keusahawanan	Modul 8 Persediaan	Modul 11 – Bhg. 1 Idea & Prototaip	Perasmian Penutup
1.00 pm – 2.30 pm		Rehat	Rehat	Rehat	Program Tamat
2.30 pm – 4.30 pm	Perasmian Program Ice Breaking Penetapan Harapan & 'Entrepreneurship Mindset'	Modul 5 GrowthWheel 20 Fokus Bisnes	Modul 9 Sudut Pandang Mencipta Fiksi Sosial untuk masa hadapan Pendidikan Keusahawanan	Modul 11 – Bhg. 2 Idea & Prototaip	
4.30 pm – 5.00 pm	Minum Petang	Minum Petang	Minum Petang	Minum Petang	
5.00 pm – 6.30 pm	Modul 1 Sepintas Lalu Keusahawanan	Modul 6 – Bhg. 1 Alat/Kanvas Penting yang Penting untuk Pendidik Keusahawanan	Entrepreneurship Endurance Challenge	Modul 12 Validasi & Tambahbaik	
8.00 pm – 10.00 pm	Modul 2 Persediaan Diri sebagai Usahawan	Modul 6 – Bhg. 2 Alat/Kanvas Penting yang Penting untuk Pendidik Keusahawanan	Modul 10 – Bhg. 1 Faham	Persediaan Demo Day & Ujian Penilaian	

PROGRAM BERMULA



PERASMIAN & TAKLIMAT PROGRAM

Tarikh: 1 March 2023

Program ProCEED 2.0 berlangsung di Institut Kepimpinan dan Pembangunan, Universiti Teknologi MARA.

Ybhg. Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang menggunakan sesi tersebut untuk mengalu-alukan para peserta dan menyampaikan aspirasi besar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) supaya semua warga pendidik dapat memanfaatkan peluang meningkatkan kompetensi dalam bidang Pendidikan Keusahawanan. Usaha ini penting supaya warga IPT dapat membantu membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan selaras dengan DKN2030.



Ucapan aluan dan perasmian oleh
Ybhg. Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang,
Penolong Naib Canselor (Keusahawanan),
Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Sejurus perasmian, Ts. Dr. Rohana Zur, Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan MASMED UiTM berkongsi isu-isu terkini berkaitan keusahawanan dan perjalanan program *ProCEED 2.0*.

Program 5 hari ini terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu:

2 hari – *Entrepreneurship Mindset & Start-up Equation*

2 hari – *Education Hackathon*

1 hari - *Demo Day (termasuk ujian penilaian)*



Ts. Dr. Rohana Zur menyampaikan taklimat perjalanan ProCEED 2.0.

BAHAGIAN 1 : *ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION* DURASI 2 HARI

Pengenalan:

Pendidik di institusi pengajian tinggi awam memainkan peranan penting dalam mengasah minda keusahawanan serta membantu bakal graduan mendepani cabaran dunia bisnes selaku usahawan (*entrepreneur*) mahupun *intrapreneur* yang mencipta nilai untuk organisasi.

Entrepreneurship Mindset & Start-up Equation memfokuskan kepada asas-asas keusahawanan dan inovasi dalam pendidikan keusahawanan.

Manfaat konten:

Peserta dapat membezakan cara fikir orang berminda usahawan, memahami apakah cabaran yang bakal dihadapi oleh mereka yang mahu menjadi usahawan pada fasa bisnes yang berbeza serta bagaimana mengatasinya. Ini penting supaya kurikulum dan kaedah pembelajaran dapat ditambahbaik supaya pelajar mendapat impak yang tinggi.

Selain itu, peserta juga mendapat pendedahan apakah elemen-elemen terkini yang dapat diterapkan supaya kaedah mendidik menjadi lebih menyeronokkan dan praktikal untuk bakal graduan.

BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION



Program *ProCEED 2.0* dilaksanakan dengan pendekatan “learning by doing”.

Foto:
Prof. Madya Dr. Zainoodin
(paling kanan) **Sheik Abdul Kader** dari **Universiti Sains Malaysia (USM)** bersama rakan peserta melalui pengalaman ‘Marshmallow Challenge’. Aktiviti ini umpama simulasi kepada dunia keusahawanan di mana kita perlu menggunakan daya kreativiti, pandai mengurus dan menggunakan sumber, buat dan tambahbaik serta kolaborasi.

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.72/5



BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION

SESI: PENETAPAN HARAPAN DAN 'ENTREPRENEURSHIP MINDSET'
FASILITATOR: NORAMINAH BINTI OMAR



Foto: Dr. Ponmalar N Alagappar dari Universiti Malaya (UM) berkongsi pandangan beliau mengenai topik cara fikir usahawan.

Ringkasan sesi :

Peserta diberi kesempatan berkongsi ekspektasi mereka. Kemudian peserta didedahkan dengan cara fikir yang diamalkan usahawan pakar. Berdasarkan kajian *Professor Saras D. Sarasvathy* dari *University of Virginia*, usahawan pakar mempunyai cara fikir dan tindakan yang berbeza dengan usahawan novis.

Antara prinsip yang menjadi pegangan usahawan pakar ini adalah bermula dengan apa yang ada, buat dengan meminimakan risiko, tukar situasi luar jangka kepada peluang, berkawan-kawan dan berkolaborasi, dan akhir sekali, fokus pada apa yang boleh dikawal.

Testimoni peserta :

“From ProCEED 2.0, I learnt that there is an endless possibility out there that can be used to teach the students, all one needs to do is to reach out. – Dr. Ponmalar N Alagappar, UM.

BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION

MODUL 1: SEPINTAS LALU KEUSAHAWANAN
FASILITATOR: ZUSUFF KAN BIN ZAINAL KAN, CPIF

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :

4.66/5



Ringkasan sesi :

Kenapa ada sesetengah syarikat berkembang dan ada yang kekal di takuk lama walaupun sudah lama beroperasi? Sesi ini membantu para pendidik apakah cabaran yang bakal dilalui dari fasa sebelum bermula, *Start-up*, sebelum berkembang, berkembang, matang dan transisi serta kaedah mengatasinya. Secara tidak langsung membawa warga pendidik untuk menyemak semula apakah kurikulum sedia ada membantu menyediakan bakal graduan supaya bersedia mendepani cabaran berbisnes?

Testimoni peserta:

“Saya mendaftarkan diri untuk menghadiri ProCEED 2.0 kerana saya ingin mendalami lagi ilmu keusahawanan secara berstruktur dan jika ada tool-tool baharu yang boleh dimanfaatkan dalam pengajaran. Setelah menghadiri bengkel ini, apa yang saya harapkan hampir kesemuanya menepati, Alhamdulillah.- Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Bin Husain, UTM.



Foto (dari kiri): Wajah ceria Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Bin Husain dari UTM berswafoto bersama Tuan Mohd. Shafiz Saharan (tengah) dari UiTM Cawangan Kedah dan Dr. Nasuha Bin Sa'ude dari UTHM (kanan) .

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.72/5

BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & *START-UP EQUATION*



MODUL 2 : PERSEDIAAN DIRI SEBAGAI USAHAWAN
FASILITATOR: NORAMINAH BINTI OMAR



Foto: Dua tokoh usahawan muda berkongsi perjalanan bisnes masing-masing. Wajah dalam skrin (atas), Tuan Mohd Anas Mohd Asnawi, Pengarah Urusan syarikat Penternakan Sumber Unggas Sdn Bhd dan pemenang Anugerah Agropreneur Muda Terbaik, MAHA 2022. Wajah dalam skrin (bawah), Dr. Mohd Rizal Isa, Ketua Pegawai Operasi, Nasi Lemak Saleha Sdn. Bhd.

Ringkasan sesi :

Sesi ini memfokuskan kepada apakah nilai-nilai keusahawanan yang diterima pakai menurut perspektif barat dan perspektif Islam. Apakah nilai-nilai yang diiktiraf di IPT masing-masing? Bagaimana mahu menerapkannya dalam pendidikan keusahawanan. Bagaimana mahu menerapkan minda keusahawanan pada pelajar yang mahu menyertai pasaran kerja?

Testimoni peserta :

“Antara perkara yang saya sukai adalah perkongsian ikon keusahawanan jalanan boleh berjaya membina kekayaan jutaan ringgit hanya dengan perniagaan makanan sarapan pagi sahaja.” – Dr. Nasuha Bin Sa’ude, UTHM.

BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.66/5

MODUL 3: 10 KAJIAN KES INOVASI DALAM PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN
FASILITATOR: MOHD YUSRY BIN MOHAMAD YUSOPP



Ringkasan sesi :

Sesi ini berkongsi 10 inovasi yang boleh diaplikasi dalam pendidikan keusahawanan. Antara contoh inovasi termasuklah penggunaan infografik dalam penyampaian konten, kanvas 1-muka surat sebagai alat bisnes, berkuli (*internship*), projek, inkubator atau makmal, *boardgame* dan *cardgame*, platform/e-learning, penggunaan komik, penceritaan dan kajian kes, aktiviti ‘*Get Out of the Building*’ dan banyak lagi.

Testimoni peserta :

“Pengisian program yang balanced! Aktiviti atau ‘games’, belajar teori dan terus mengaplikasikan teori yang telah dipelajari”. – Tuan Mohd. Shafiz Saharan dari UiTM Cawangan Kedah.



Foto: Para peserta mengunjungi ruang pameran bahan-bahan terkini yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan keusahawanan sambil mendengar penerangan daripada fasilitator.

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.57/5



BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & *START-UP EQUATION*

MODUL 4 : MAZHAB-MAZHAB UTAMA PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN
FASILITATOR: ZUSUFF KAN BIN ZAINAL KAN, CPIF



Foto: Cik Puan Suraya Binti Abd. Warif dari Politeknik Kota Kinabalu (kanan) dan Cik Puan Zainebbevi Binti Kamalbatcha dari UMT (kiri) ketika aktiviti perbincangan dalam kumpulan.

Ringkasan sesi :

Terdapat banyak mazhab-mazhab pendidikan keusahawanan yang bagus dalam pasaran. Sesi ini fokus kepada berkongsi mazhab seperti *Lean Startup/Customer Development Model*, *Strategyzer*, *Discipline Entrepreneur*, *Acumen* dan lain-lain. Melalui sesi ini warga pendidik dapat memilih elemen-elemen terbaik yang dapat diterapkan pada pemilihan pendekatan keusahawanan di IPT masing-masing.

Testimoni peserta :

“Saya rasa sangat berpuashati dengan kandungan pembelajaran yang disampaikan dalam ProCEEEd 2.0” – Puan Suraya Binti Abd. Warif, Politeknik Kota Kinabalu, Sabah.

BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & START-UP EQUATION

MODUL 5 : ALAT/KANVAS PENTING YANG PENTING UNTUK PENDIDIK KEUSAHAWANAN
FASILITATOR: MOHD YUSRY BIN MOHAMAD YUSOPP

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.77/5



Ringkasan sesi :

Sesi ini memfokuskan kepada kanvas atau alat pendidikan inovasi dan bisnes yang penting dikuasai pendidik. Antara kanvas yang dikongsikan adalah *Business Model Canvas*, *Value Proposition Canvas*, *Customer Journey Map*, *Customer Persona* dan *Lean Canvas*.

Testimoni peserta:

“ProCEEd 2.0 - Banyak input baharu dan pendekatan dinamik yang boleh diadaptasi kepada pelbagai bentuk pendidikan keusahawanan”. – **Puan Zakiyah Hasan, UiTM Shah Alam.**



Foto: Suasana positif ketika perbincangan menggunakan kanvas. Dari kanan ke kiri, Puan Zakiyah Hasan (UiTM), Dr. Norun Najjah Binti Ahmat (UTeM), Dr. Suchi Binti Hassan (UMK).

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.74/5



BAHAGIAN 1: ENTREPRENEURSHIP MINDSET & *START-UP EQUATION*

MODUL 6: GROWTHWHEEL 20 FOKUS BISNES

FASILITATOR: ZUSUFF KAN BIN ZAINAL KAN, CPIF



Foto: Dari kiri ke kanan – Dr Mohd Ikhwan Bin Aziz, UMK dan Tuan Mohd Khairi Bin Zahri @ Johari, UMT sedang tekun mendengar penerangan daripada fasilitator.

Ringkasan sesi :

Bagaimana kita boleh meningkatkan kejayaan bisnes serta memupuk sifat akauntabiliti pada usahawan? Sesi ini memfokuskan bagaimana warga pendidik dapat membantu usahawan bertanya soalan yang betul, buat keputusan dan ambil tindakan. Salah satu kaedah dan alat yang bagus dipelajari adalah kaedah yang dibangunkan *GrowthWheel® International*. Ia merupakan alat yang digunapakai penasihat bisnes di lebih 73 negara.

Testimoni peserta :

“Saya berikan skor 5/5 untuk persembahan dan pendekatan Startlah (pasukan konsultan/fasilitator). Perkara yang saya paling sukai dalam ProCEED 2.0 adalah ‘game approach’ yang digunakan”. – Dr. Mohd Ikhwan Bin Aziz, UMK.

BAHAGIAN 2 :

EDUCATION HACKATHON

DURASI 2 HARI

Pengenalan:

Dunia pendidikan keusahawanan memerlukan idea-idea dan pendekatan baru supaya kekal segar, relevan dan berimpak tinggi. Sesi ini memfokuskan kepada aplikasi kaedah inovasi manusiawi untuk berimajinasi apakah bentuk pendidikan keusahawanan masa hadapan serta menterjemahkannya dalam bentuk yang visual sebelum ia diuji di lapangan.

Manfaat konten:

Peserta dapat merasai bagaimana berinovasi menggunakan kaedah inovasi manusiawi dalam konteks pendidikan keusahawanan. Peserta melakukan aktiviti lapangan yang ringkas sebelum menghasilkan idea yang akan diterjemahkan ke dalam bentuk prototaip yang visual. Aktiviti *hands-on* ini juga boleh dilakukan bersama bakal graduan di IPT masing-masing.

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.68/5



BAHAGIAN 2: *EDUCATION HACKATHON*

MODUL 7: PENGENALAN DESIGN THINKING UNTUK PENDIDIK KEUSAHAWANAN
FASILITATOR: ZUSUFF KAN BIN ZAINAL KAN, CPIF



Ketua fasilitator *ProCEED 2.0*, Tuan Zusuff Kan Bin Zainal Kan memperkenalkan mazhab-mazhab pemikiran desain yang ada dalam pasaran.

Ringkasan sesi :

Sesi ini merupakan pengenalan kepada kaedah inovasi manusiawi. Peserta didedahkan bagaimana kaedah ini dapat diaplikasi untuk mendesain solusi sama ada dalam pembentukan produk/servis baru, mendesain pengalaman yang lebih menarik, mengupaya golongan tertentu, menyelesaikan masalah sosial atau menjadikan pendidikan lebih menyeronokkan dan berimpak tinggi.

Testimoni peserta :

“Trainer benar-benar bersedia dengan modul yang padu dan dapat mengawal audien yang terdiri dari ‘senior lecturers’, ‘professors’ and ‘lecturers’ yang kurang ilmu keusahawanan”. – Tuan Mohd Firdaus Bin Che Sab, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis.

BAHAGIAN 2: *EDUCATION HACKATHON*

MODUL 8 : PERSEDIAAN DIRI, PASUKAN DAN PERSEKITARAN
FASILITATOR: NORAMINAH OMAR

SKOR YANG
DIBERIKAN PESERTA :
4.64/5



Ringkasan sesi :

Untuk menghasilkan inovasi yang mampan, persediaan yang menyeluruh perlu dilakukan. Sesi ini memfokuskan kepada tiga jenis persediaan yang diperlukan untuk menjayakan sesuatu inovasi. Pertama persediaan diri, kedua persediaan ahli pasukan dan ketiga persediaan persekitaran.

Testimoni peserta :

